

METODOLOGI KAJIAN

3.1. PENDAHULUAN

Projek ini merupakan kajian penerokaan untuk mengkaji sejarah pengoperasian Sistem Penyeliaan Pendidikan Agama, Fungsi Penyelia dan Amalan Penyeliaan yang diamalkan oleh Penyelia Pendidikan Agama di Jabatan Pendidikan Sabah. Data diperolehi melalui dokumen-dokumen, soal selidik ringkas dan temuramah dengan orang-orang tertentu. Soal selidik (rujuk Lampiran A) yang direka khas ini berdasarkan soal selidik yang digunakan oleh Sergit Singh (1974) dan Tapaneyangkul (1983) dan tidak diuji keesahannya kerana kajian kecil ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang amalan penyeliaan dari para penyelia yang sedang berkhidmat di Ibu Pejabat, Pejabat Pendidikan Bahagian dan Pejabat Pendidikan Daerah. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

3.1.1. Bahagian A:

Bertujuan mendapat maklumat demografi dan diri penyelia, dari segi perkhidmatan, dan latihan yang telah diperolehi yang berkaitan dengan tugas. Di samping arahan menyertakan lampiran senarai tugas Penyelia Pendidikan Agama, Carta Jawatankuasa, Borang Penyeliaan dan Pelan Lokasi kawasan penyeliaan.

3.1.2. Bahagian B:

Yang mengandungi 14 item bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang amalan penyeliaan dan persepsi responden terhadap penyeliaan

berdasarkan apa yang dilakukan semasa penyeliaan pengajaran. Responden Soal Selidik ini terdiri daripada empat orang Penyelia Pendidikan Agama yang berkhidmat di Ibu Pejabat dan tujuh Penyelia Pendidikan Agama yang berkhidmat di Pejabat Pendidikan Bahagian, dan dua puluh enam Penyelia (Pengelola) Pendidikan Agama di Pejabat Pendidikan Daerah. Data untuk mendapat maklumat berkaitan dengan fungsi, tugas dan amalan penyeliaan di masa lampau diperolehi melalui temuramah dengan orang-orang tertentu. Mereka terdiri daripada:

- (i) Bekas Ketua Penolong Pengarah Unit Pendidikan Islam (UPI)/Bahagian Pendidikan Islam (BPI)/Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral (SPPIM) yang pernah bertugas di Jabatan Pendidikan Sabah yang jumlahnya tujuh orang sehingga kini. Adalah diharapkan sekiranya sekurang-kurang tiga orang daripada mereka ini yang dapat ditemuramah.
- (ii) Bekas Penyelia Pendidikan Agama yang telah bersara (dua orang). Jumlah responden keseluruhannya dijangkakan seramai 42 orang. (3+2+4+7+26)

Di samping itu, untuk melengkapkan maklumat tentang senarai fungsi atau tugas Penyelia Pendidikan Agama serta sejarah perkembangan penyeliaan agama di Jabatan Pendidikan Sabah, rujukan dibuat melalui laporan tahunan Jabatan Pendidikan Sabah atau bahan-bahan bercetak yang berkaitan dari punca-punca yang sempat diperolehi. Analisis respon daripada responden akan ditumpukan kepada peratus kekerapan sesuatu amalan itu dilakukan untuk mendapat gambaran amalan penyeliaan para Penyelia

Pendidikan Agama. Ini dilakukan dengan mengkategorikan jawapan responden dengan kod 1-9 bagi item 2 hingga item 12, manakala item 1,13 dan 14 diberikan kod 1-3. Senarai bahagian atau kawasan pentadbiran yang dikawal oleh Pejabat Pendidikan Bahagian ialah tujuh bahagian seperti berikut:

- (a) Pejabat Pendidikan Bahagian Pantai Barat Selatan (PBS). Terdiri daripada lima daerah iaitu Kota Kinabalu, Tuaran, Tamparuli, Penampang, dan Papar.
- (b) Pejabat Pendidikan Pantai Barat Utara (PBU). Terdiri daripada lima daerah iaitu Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas dan Ranau.
- (c) Pejabat Pendidikan Bahagian Sandakan. Terdiri daripada empat daerah iaitu Sandakan, Beluran, Kinabatangan dan Telupid.
- (d) Pejabat Pendidikan Bahagian Tawau. Terdiri daripada empat daerah iaitu Tawau, Semporna, Lahad Datu dan Kunak.
- (e) Pejabat Pendidikan Bahagian Keningau. Terdiri daripada empat daerah iaitu Keningau, Tambunan, Tenom, dan Nabawan.
- (f) Pejabat Pendidikan Bahagian Beaufort. Terdiri daripada empat daerah iaitu Beaufort, Membakut, Sipitang dan Kuala Penyu.
- (g) Pejabat Pendidikan Bahagian Wilayah Persekutuan Labuan. Hanya satu daerah.

3.2. PERISTILAHAN

Berikut ialah penerangan secara ringkas maksud beberapa istilah yang berkaitan langsung dengan kajian untuk memudahkan pembaca:

3.2.1. Penyeliaan Agama:

Penyeliaan Agama yang dimaksudkan ialah penyelia aktiviti akademik yang termasuk di dalamnya ialah menyelia pengajaran guru agama di sekolah, mengurus kebajikan guru (perjawatan, kursus), mengurus aktiviti keagamaan seperti Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) berdasarkan lokasi kawalan para penyelia iaitu Penyelia di Ibu Pejabat untuk peringkat negeri, Penyelia Bahagian untuk peringkat bahagian, begitu juga dengan aktiviti di daerah oleh Penyelia (Pengelola) Agama Daerah di samping tugas-tugas perkeranian di pejabat. Penyeliaan Pendidikan Agama adalah satu istilah yang membawa maksud yang sama.

3.2.2. Penyelia Pendidikan Agama:

Satu gelaran jawatan pegawai perkhidmatan pendidikan yang bertugas sebagai penyelia kepada perjalanan aktiviti Islam di sekolah, pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Sepatutnya mungkin namanya ialah Penyelia Pendidikan Agama Islam tetapi untuk memudahkan *Penyelia Agama* telah dimaklumi dalam organisasi Jabatan Pendidikan Sabah. Bagi negeri Sabah, mereka yang menjawat jawatan ini sejak dimulakan bukanlah mereka yang mendapat pendidikan khusus dalam bidang pendidikan agama Islam (guru agama atau ustaz). Sejak mula

diwujudkan hanya ada tiga orang sahaja Penyelia Agama di Pejabat Pendidikan Bahagian yang mempunyai asas pendidikan Islam (dari kalangan guru agama), dan 4 orang Penyelia Agama yang sedang berkhidmat di Ibu Pejabat adalah dari kalangan guru agama.

3.2.3. Pegawai Pendidikan Bahagian:

Ialah seorang pegawai yang memegang jawatan tertinggi di pejabat Pendidikan Bahagian iaitu kategori DG2. Tugasnya sama seperti Pegawai Pendidikan Daerah di Jabatan Pendidikan Semenanjung.

3.2.4. Pegawai Pendidikan Daerah:

Seorang yang menjadi ketua jabatan bagi Pejabat Pendidikan Daerah. Mereka ini berada dalam kategori DG4/DG5.

3.2.5. Jabatan Pendidikan Sabah:

Organisasi yang dimaksudkan ialah semua bahagian atau sektor yang di bawah kawalan Jabatan Pendidikan Sabah iaitu bermula dari Sektor Pengurusan Pendidikan Islam Dan Moral (SPPIM) atau Ibu Pejabat yang terletak di bangunan KWSP, Tingkat 1, Blok B, Karamuning, Kota Kinabalu. Seterusnya Pejabat Pendidikan Bahagian iaitu terdapat 7 bahagian yang terdiri daripada Pantai Barat Selatan (PBS), Pantai Barat Utara (PBU), Sandakan, Tawau, Keningau, Beaufort, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seterusnya Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Sabah.